



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (120)

Tarikh : 2 April 2016

## **SIARAN MEDIA**

### **OPS SEJAHTERA KOMUNITI**

**Kuala Lumpur, 2 April 2016** - Ops Sejahtera Komuniti oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dilaksanakan di Program Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Pudu Ulu dengan kerjasama daripada Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara dan Polis DiRaja Malaysia pada pagi ini.

2. Operasi pada pagi ini adalah berkaitan penguatkuasaan dan pemantauan ke atas unit kediaman Program Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara sebagaimana yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Januari 2016.

3. Isu dan masalah utama yang dikenalpasti adalah terdapat penyewa rumah PPR yang menyewakan unit kediaman mereka (*sublet*) kepada pihak ketiga termasuk warga asing.

4. Maklumat daripada pihak DBKL mendapati terdapat sebanyak 198 unit yang telah disalahgunakan melibatkan unit yang mempunyai tunggakan sewaan bulanan dan unit yang disewakan kepada pihak ketiga.

5. Ops Sejahtera Komuniti di PPR Jalan Pudu Ulu ini meliputi tiga (3) aspek berikut:

- (i) Penyewaan kepada pihak ketiga;
- (ii) Tunggakan bayaran sewa; dan
- (iii) Penyalahgunaan unit rumah.

6. KPKT dan Pihak Berkuasa Negeri akan mengambil tindakan yang sewajarnya seperti:

- (i) Mengeluarkan Notis Peringatan kepada penyewa yang gagal menjelaskan bayaran sewaan bulanan; dan
- (ii) Mengeluarkan Notis Amaran dan Notis Penamatan kepada penyewa yang menyewakan unit kediaman kepada pihak ketiga.

7. Pasukan operasi dibahagikan kepada 10 kumpulan dengan jumlah keseluruhan petugas adalah seramai 96 orang seperti pecahan berikut:

(i)	Jabatan Perumahan Negara (JPN)	-	30 orang
(ii)	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	-	30 orang
(iii)	Jabatan Imigresen	-	15 orang
(iv)	Jabatan Pendaftaran Negara	-	6 orang
(v)	Polis DiRaja Malaysia (PDRM)	-	15 orang

8. Program pada hari ini merupakan operasi siri kedua bagi tahun 2016 lanjutan daripada operasi yang telah diadakan di PPR Jalan Segindai, Kinarut, Papar, Sabah pada 5 Mac 2016 yang lalu.

9. Selain daripada program di Kuala Lumpur pada hari ini, KPKT juga akan terus meluaskan pelaksanaan “Ops Sejahtera Komuniti” ke PPR lain di seluruh negara di mana tumpuan akan diberikan kepada PPR di negeri Selangor, Johor dan Sarawak.

-----  
*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat*

*b.p. Ketua Setiausaha*

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555*

*Faks : 03-8891 5557*

*E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)*